

LATIHAN KBAT BAHASA MELAYU – SET 3
TINGKATAN 2
SMK ASYAKIRIN
2021

NAMA : KELAS:

TARIKH :


Teks tentang lebah

Maklumat pada halaman ini dan halaman sebelah dipetik daripada buku kecil tentang lebah. Rujuk maklumat untuk menjawab soalan yang berikut.

MENGUMPUL NEKTAR

Lebah menghasilkan madu untuk meneruskan kelangsungan hidup. Madu merupakan satu-satunya makanan bagi lebah. Sekiranya terdapat 60, 000 lebah dalam sebuah sarang, satu pertiga daripada lebah tersebut akan terlibat dalam mengumpulkan nektar, yang kemudiannya dijadikan madu oleh lebah rumah. Sebilangan kecil lebah itu akan bekerja sebagai peninjau atau pencari. Lebah mencari sumber nektar, kemudian kembali ke sarang untuk memberitahu lebah-lebah lain tentang lokasi sumber nektar tersebut.

Peninjau akan memberitahu lebah-lebah lain tentang kedudukan sumber nektar itu dengan melakukan tarian yang memberikan maklumat tentang arah dan jarak yang perlu dilalui oleh lebah-lebah tersebut. Semasa menarikan tarian ini, lebah ini akan menggerakkan abdomennya dari satu sisi ke sisi yang lain sambil bergerak dalam satu bulatan yang berbentuk angka 8. Tarian ini berdasarkan corak seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Rajah ini menunjukkan seekor lebah sedang menari dalam sarangnya pada permukaan melintang sarang madu. Sekiranya bahagian tengah bentuk 8 itu menunjuk ke atas, hal itu bermaksud bahawa lebah itu dapat menemukan makanan jika mereka terbang ke arah matahari. Sekiranya bahagian tengah bentuk 8 itu menunjuk ke kanan, makanan itu berada di sebelah kanan matahari.

Jarak makanan itu dari sarang lebah ditunjukkan melalui tempoh masa yang digunakan oleh lebah itu menggerakkan abdomennya. Sekiranya jarak itu jauh, maka lebah itu akan menggerakkan badannya dalam jangka masa yang agak lama.

MEMBUAT MADU

Apabila lebah itu tiba di sarangnya dengan membawa nektar, lebah itu akan memberikan nektar itu kepada lebah rumah. Lebah rumah akan membawa nektar dengan menggunakan rahang atasnya sambil mendedahkan nektar itu kepada udara segar kering sarang tersebut. Ketika pertama kali diperoleh, nektar itu mengandungi gula dan mineral bercampur dengan 80% air. Selepas sepuluh hingga dua puluh minit, Sebahagian besar air lebihan itu telah tersejat, lebah rumah itu akan meletakkan nektar dalam sebuah sel sarang madu menyebabkan penyejatan itu akan terus berlaku. Selepas tiga hari, madu di dalam sel itu akan mempunyai kira-kira 20% air. Pada peringkat ini, lebah akan menutup sel itu dengan penutup yang diperbuat daripada lilin lebah.

Pada bila-bila masa, lebah di dalam sarang itu biasanya akan mendapatkan nektar daripada jenis bunga dan kawasan yang sama. Sebahagian sumber utama nektar ialah pokok berbuah, pokok klover dan pokok berbunga.

GLOSARI

Lebah rumah - lebah pekerja yang bertugas dalam sarang

Mandible - bahagian mulut

Soalan 1

Berdasarkan teks, langkah pengumpulan nektar yang betul adalah seperti susunan berikut

- I. Peninjau akan memberitahu lebah-lebah lain tentang kedudukan sumber nektar itu dengan melakukan tarian yang memberikan maklumat tentang arah dan jarak yang perlu dilalui oleh lebah-lebah tersebut.
- II. Lebah mencari sumber nektar, kemudian kembali ke sarang untuk memberitahu lebah-lebah lain tentang lokasi sumber nektar tersebut.
- III. satu pertiga daripada lebah tersebut akan terlibat dalam mengumpulkan nektar
- IV. lebah ini akan menggerakkan abdomennya dari satu sisi ke sisi yang lain sambil bergerak dalam satu bulatan yang berbentuk angka 8

- A. I, II, III dan IV
- B. I, IV, II dan III
- C. III, II, I dan IV
- D. III, I, IV dan II

(1 markah)

Soalan 2

Mengapakah lebah menghasilkan madu?

- A. Membantu meningkatkan ekonomi sesebuah negara.
- B. Mendapat sambutan hangat di pasaran.
- C. Untuk kelangsungan hidup.
- D. Menjamin kesihatan manusia

(1 markah)

Soalan 3

Adakah kenyataan berikut dinyatakan dalam teks?

Tandakan (v) pada "Dinyatakan" atau "Tidak Dinyatakan" bagi setiap kenyataan.

Pernyataan	Dinyatakan	Tidak Dinyatakan
1. Ketika pertama kali diperoleh, nektar itu mengandungi gula dan mineral bercampur dengan 80% air.		
2. Selepas lima hingga sepuluh minit, Sebahagian besar air lebihan itu telah tersejat		
3. Selepas tiga hari, madu di dalam sel itu akan mempunyai kira-kira 20% air		

(3 markah)

Soalan 4

Kedudukan sumber nektar dilakukan melalui tarian. Tandakan (v) pada jawapan yang betul dan (x) pada jawapan yang salah.

Pernyataan	Betul	Salah
1. Sekiranya bahagian tengah bentuk 8 itu menunjuk ke atas, hal itu bermaksud bahawa lebah itu dapat menemukan makanan jika mereka terbang ke arah bulan		
2. Sekiranya bahagian tengah bentuk 8 itu menunjuk ke kanan, makanan itu berada di sebelah kanan matahari.		
3. Peninjau akan memberitahu lebah-lebah lain tentang kedudukan sumber nektar itu dengan melakukan tarian yang memberikan maklumat tentang arah dan jarak yang perlu dilalui oleh lebah-lebah tersebut.		

(3 markah)